


TAKAFULINK DANA URUS

HELAIAN FAKTA DANA UTAMA 2020



TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, jaminan, jaminan kolektif dan usaha bersama. Secara umum, takaful diasaskan pada pengaturan kerjasama (ta'awun) berdasarkan prinsip-prinsip bersama dan solidariti, merangkumi unsur-unsur indemniti dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang bermaksud perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, di dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional yang dapat menyediakan segala yang diperlukan oleh peserta-peserta kami. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi kami. Nilai-nilai inilah yang menjadikan kami pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi anda dalam setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan hingga keperluan kerohanian anda, setiap produk kami dicipta bagi memberikan ketenangan minda untuk anda.

*Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan yang mematuhi Syariah.

TAKAFULINK DANA URUS

Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	Takafulink Dana Urus (Dana) bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana ke jangka masa panjang dengan melabur dalam instrumen pasaran ekuiti, sukuk dan pasaran wang Islam yang patuh Syariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon, dan dalam mana-mana Dana Takafulink yang tersedia pada masa akan datang.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	Dana bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur di dalam portfolio seimbang yang merangkumi ekuiti patuh Syariah dan sekuriti yang berkaitan dengan ekuiti patuh Syariah, juga termasuk sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon, dan dalam mana-mana dana Takafulink lain yang akan ditawarkan pada masa hadapan.
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none">• Di antara 70% hingga 90% daripada aset akan dilaburkan dalam Takafulink Dana Ekuiti;• Di antara 10% hingga 30% daripada aset akan dilaburkan dalam Takafulink Dana Bon; dan• Baki Dana NAV yang tidak dilabur dalam kedua-dua Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon tersebut akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang patuh Syariah.
Tanda Aras Prestasi	<ul style="list-style-type: none">• 80% Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah (FBMS) + 20% kadar Deposit-i Tetap Islam MBB 12-bulan. <p><i>Maklumat lanjut mengenai FBMS boleh didapati di laman web Bursa Malaysia dan Bloomberg.</i></p> <p><i>Maklumat lanjut mengenai kadar Deposit Islam MBB 12-bulan boleh didapati di laman web Maybank2u.</i></p>
Pengurus Dana	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (200901017585 (860682-K))
Yuran & Caj	
Caj Wakalah Pengurusan Aset	1.3% setahun
Caj Lain, jika ada	TIADA

TAKAFULINK DANA URUS

Prestasi Dana

Tahun	Takafulink Dana Urus	Tanda Aras*
2020	11.86%	8.85%
2019	5.07%	3.78%
2018	(7.08)%	(10.26)%
2017	9.66%	9.19%
2016	(2.08)%	(4.28)%
2015	4.78%	2.61%
2014	1.83%	(2.76)%
2013	11.85%	11.18%
2012	13.90%	10.05%
2011	7.49%	2.29%

Asas pengiraan prestasi sebelumnya:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n-1} \% - 100\%$$

*NAV ialah pada dasar seunit.

Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata dan bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

* 2011 – 2015 Penanda Aras: 80% FBMS + 20% Kadar Deposit Tetap Islam MBB 1-bulan Peringkat-1.
2016 – 2020 Penanda Aras: 80% FBMS + 20% Kadar Deposit-i Tetap Islam MBB 12-bulan.

Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan.

TAKAFULINK DANA URUS

Faktor Risiko

Sila rujuk kepada butiran Faktor Risiko yang dinyatakan di bawah:

• Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin timbul daripada perubahan ketara dalam suasana pasaran. Secara umumnya keadaan pasaran dipengaruhi oleh, antara lain, kestabilan ekonomi dan politik. Sekiranya pasaran di mana Dana dilaburkan mengalami kemerosotan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang buruk, ia boleh memberi impak besar kepada harga pasaran pelaburan Dana.

• Risiko Kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana sekuriti patuh Syariah tidak dapat dijual kerana ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua pula adalah di mana pelaburan tersebut kurang didagangkan. Ia boleh menyebabkan Dana melupakan pelaburan tersebut di pasaran pada harga yang tidak memberangsangkan dan memberi kesan buruk pada pelaburan yang dibuat oleh pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti patuh Syariah yang teliti.

• Risiko Kadar Faedah

Secara amnya, penilaian sukuk akan bergerak secara songsang mengikut pergerakan kadar faedah. Oleh itu, penilaian untuk sukuk mungkin jatuh semasa faedah meningkat dan sebaliknya. Sekiranya Dana menyimpan sukuk hingga ia matang, pergerakan turun naik ini akan berkurangan apabila sukuk menghampiri tempoh matang. Untuk mengurangkan kesan pergerakan kadar faedah, Pengurus Dana akan menguruskan tempoh portfolio dengan mempelbagaikan tempoh pelaburan sukuk Dana berdasarkan pandangan Pengurus Dana mengenai masa hadapan kadar faedah.

Kadar faedah adalah petunjuk umum ekonomi yang akan memberi kesan ke atas pengurusan Dana tanpa mengambilkira sama ada dana Islam atau sebaliknya. Ia bukan sama sekali menyarankan agar Dana melabur dalam instrumen kewangan konvensional. Semua pelaburan yang dilaksanakan untuk Dana adalah selaras dengan kepatuhan Syariah.

• Risiko Inflasi

Risiko ini merujuk kepada risiko di mana pelaburan oleh pelabur dalam Dana mungkin tidak berkembang atau tidak menjana pendapatan yang seiring dengan inflasi, menyebabkan pengurangan kuasa pembelian pelabur walaupun dari sudut kewangan, pelaburan tersebut mungkin telah meningkat.

TAKAFULINK DANA URUS

Faktor Risiko

- **Risiko Sekuriti**

Harga sekuriti patuh Syariah tertentu boleh berubah-ubah dalam tindak balas terhadap keadaan yang menjejaskan syarikat-syarikat individu. Sebarang pergerakan ketara dalam harga sesuatu sekuriti patuh Syariah yang dilaburkan oleh Dana boleh menjejaskan NAV Dana. Pengurus Dana akan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti patuh Syariah berkenaan dengan mempelbagaikan sekuriti dalam portfolio.

- **Risiko Kredit/Keingkaran**

Risiko ini merujuk kepada ketidakupayaan penerbit sukuk yang dipegang oleh Dana untuk membuat bayaran prinsipal atau keuntungan apabila matang. Sekiranya penerbit ingkar dalam membuat pembayaran prinsipal atau keuntungan, nilai Dana akan terjejas. Pengurus Dana akan mengurangkan risiko kredit/keingkaran Dana dengan melakukan penyelidikan berterusan ke atas kredit dan analisis untuk menentukan kedudukan kredit penerbit. Risiko ini dapat dikurangkan melalui pelaburan dalam sukuk dengan penarafan kredit minimum A3 dan P3 atau penarafan setara oleh agensi-agensi penarafan kredit yang diiktiraf di Malaysia atau di peringkat antarabangsa.

- **Risiko Ketidakpatuhan**

Ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, dasar dan prosedur dalaman boleh mengakibatkan pengawasan peraturan, reputasi terancam dan mengurangkan potensi pengembangan Dana. Matlamat pelaburan juga mungkin terjejas, sekiranya Pengurus Dana tidak mematuhi mandat pelaburan. Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana mempunyai kawalan dalaman yang ketat dan memastikan pematuhan berterusan dengan undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan yang dinyatakan dan polisi dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana.

TAKAFULINK DANA URUS

Faktor Risiko

- **Risiko Syarikat Pengurusan**

Ini adalah risiko Pengurus Dana atas kesilapan yang tidak disengajakan, ketidakpatuhan terhadap mandat Dana berkaitan pelaburan. Risiko ini boleh dikurangkan oleh Pengurus Dana menggunakan cara berikut:

- Pemantauan oleh jawatankuasa pelaburan;
- Pemantauan had pelaburan dan sekatan melalui sistem pentadbiran yang digunakan oleh Pengurus Dana dan peniaga untuk menjalankan dagangan juga mempunyai keupayaan untuk memantau pelbagai peraturan dan keperluan dalaman seperti pelanggaran pelaburan; dan
- Pelaporan risiko operasi dan pelaburan secara berkala kepada pihak pengurusan kanan.

- **Risiko Pengkelasan Semula Status Syariah**

Ini adalah risiko di mana sekuriti ekuiti patuh Syariah yang sedang dipegang dalam Dana Sasaran boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah selepas semakan berkala sekuriti tersebut dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau Penasihat Syariah. Jika ia berlaku, Pengurus Dana Sasaran akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut.

Peluang kerugian boleh berlaku akibat sekatan ke atas Dana Sasaran untuk menyimpan lebihan keuntungan modal yang diperolehi daripada pelupusan ekuiti yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah. Jika ia berlaku, Dana Sasaran perlu:

- (i) melupuskan sekuriti berkenaan dengan kadar segera atau dalam masa satu (1) bulan kalendar jika nilai sekuriti melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula Senarai Sekuriti Patuh Syariah ("Pengkelasan Semula") yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau tarikh kaji semula ("Kaji Semula") daripada Penasihat Syariah. Dana Sasaran dibenarkan untuk menyimpan dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti sehingga pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula atau kaji semula. Bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah selepas tarikh kuat kuasa pengkelasan semula hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan;

TAKAFULINK DANA URUS

Faktor Risiko

- (ii) untuk menyimpan sekuriti tersebut jika nilai sekuriti berkenaan berada di bawah kos pelaburan pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula sehingga jumlah dividen seterusnya yang diterima (jika ada) dan harga pasaran sekuriti tersebut adalah bersamaan dengan kos pelaburan di mana waktu pelupusan perlu dilakukan dalam masa satu (1) bulan kalendar, keuntungan modal (jika ada) daripada pelupusan sekuriti tersebut hendaklah disalurkan ke baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan oleh Penasihat Syariah; atau
- (iii) untuk melupuskan sekuriti tersebut pada harga lebih rendah berbanding kos pelaburan yang akan menyebabkan pengurangan nilai Dana Sasaran.

Nota: Perkara di atas tidak harus dianggap sebagai senarai lengkap risiko yang harus dipertimbangkan pelabur sebelum melabur dalam Dana. Pelabur perlu sedar bahawa pelaburan dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko lain dari semasa ke semasa. Pelabur harus berunding dengan penasihat profesional untuk memahami dengan lebih baik berkenaan risiko.

TAKAFULINK DANA URUS

Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang diguna pakai oleh Pengurus Dana adalah termasuk yang berikut:

- Memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- Memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- Memantau prestasi Dana;
- Mengambil posisi defensif sementara, apabila perlu; dan
- Menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit, jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah.

Maklumat Lain

Pasaran Sasaran	Peserta yang mempunyai toleransi risiko yang sederhana hingga tinggi dan jangka masa pelaburan dari sederhana hingga jangka panjang.
Dasar & Kekekapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none">• Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.• Harga unit dikira berdasarkan nilai pasaran aset-aset asas bagi Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.• Dana Takafulink tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal adalah diambil kira secara automatik ke dalam harga unitnya.• Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan.
Keadaan Dikecualikan	PruBSN akan menggantung penetapan harga unit dan transaksi sijil jika mana-mana bursa di mana Dana dilaburkan digantung dagangan buat sementara waktu. Dalam keadaan sedemikian, notis penggantungan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada Peserta atas permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut.

TAKAFUL
Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad (200601020898)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Peti Surat 10073, 50704 Kuala Lumpur.

Talian Umum: +603 2778 3888

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188

E-mel: customer@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my



*Semua maklumat dianggap sah dan relevan pada tarikh percetakan.
Dicetak pada 16 April 2020*

Penafian:

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.